

Berpolitik, berdakwah dengan berhemah, lunak

Oleh DR. SAODAH ABD RAHMAN

APABILA membicarakan hal ehwal Islam, tiga perkata penting perlu difahami. Pertama, akidah yang merangkumi Rukun Islam dan Rukun Iman. Penafian salah satu daripadanya boleh menjurus kepada murtad. Kedua, hubung kait dengan syariah yang merangkumi pelbagai aspek berkaitan dengan ritual dan perundangan seperti kepimpinan, pentadbiran, perkahwinan, kewangan dan hukuman.

Ketiga ialah akhlak yang merupakan simbol kepada keindahan dan kelunakan agama yang dipertonjolkan melalui tingkah laku dan tatasusila umat Islam.

Berdasarkan kepada tiga aspek ini maka umat Islam mampu untuk membezakan apakah yang menjadi kewajipan (wajib), keharusan (*mubah*) dan sunat (*sunah*) dalam kehidupan seharian.

Setiap perundangan dan wahyu Allah yang merangkumi tiga aspek terpenting itu perlu difahami secara mendalam agar hukum-hakam berkaitan *mubah* tidak dijadikan sebagai wajib atau haram dengan tujuan memperkuatkan perjuangan politik dan sebagainya.

Politik merupakan salah satu aspek penting dalam syariah Islam kerana kegagalan dalam politik boleh menyebabkan umat Islam berada dalam kehinaan. Ia juga akan menyukarkan kita melaksanakan suruhan Allah. Kegagalan dalam politik juga boleh menyebabkan umat Islam hilang identiti sebagai umat yang bermaruah dan berwibawa.

Parti politik umat Islam akan menjadi kukuh jika mereka memahami dan menghayati asas-asas yang boleh memperkuatkan parti. Antaranya ialah ideologi perjuangan parti mestilah diselaraskan dengan tuntutan Islam berdasarkan prinsip *syumul* atau universal.

Kedua, objektif perjuangan parti mestilah berdasarkan kepentingan agama, negara dan masyarakat tanpa mengira agama dan bangsa. Ketiga, perancangan dan pelaksanaan program yang boleh memberi keyakinan kepada rakyat.

Konsep politik dalam Islam lebih universal berbanding pejuang ideologi yang lebih mirip kepada kekerasan.

Sejarah menunjukkan pejuang komunis dan sosialis sering menggunakan kekerasan untuk mempertahankan ideologi. Hasil daripada sikap keras dan tidak berdasarkan kepada fitrah manusia menyebabkan negara di bawah sosialis dan komunis tumbang.

Perjuangan Islam mestilah berlandaskan kepada fitrah manusia yang disulami dengan perasaan kasih sayang, simpati dan sanggup mengorbankan diri demi agama, bangsa dan manusia sejagat.

Berdasarkan kepada fitrah ini maka syariah Islam itu mengandungi lima prinsip iaitu wajib, sunat, haram, makruh dan *mubah*.

Hukum Islam ini indah. Terdapat hukum secara serius seperti wajib dan haram di mana setiap umat mestilah patuh kepada perkara wajib dan menghindari perkara haram.

Perkara-perkara berkaitan sunat, makruh dan mubah merupakan hukum yang bebas dipilih.

Perjuangan politik sepatutnya dilandaskan kepada prinsip-prinsip berasaskan kepada fitrah manusia bukan berasaskan kepada kekerasan.

Politik merupakan satu cabang hukum syariah yang terikat kepada ijihad. Ia bukan merupakan Rukun Islam dan Rukun Iman yang boleh menggugurkan keimanan orang yang tidak mematuhi peraturan parti politik.

Para pemimpin parti politik bukan rasul atau nabi. Mereka hanya mewakili rakyat untuk menjadi pemimpin bagi menguruskan hal ehwal kemasyarakatan.

Pergolakan dalam hal ehwal politik merupakan fenomena biasa. Politik sering berubah berdasarkan kepada konteks masa. Peristiwa pemimpin lompat parti juga perkara lumrah.

Ahli-ahli politik yang bijak ialah orang yang berjuang mempertahankan ideologi secara rasional. Mereka menarik penyokong secara lunak. Rasulullah SAW sendiri mahu umatnya berhemah dan lunak.

Perkara berkaitan politik sepatutnya tidak dikaitkan dengan urusan perkahwinan. Jika pemimpin parti berpaling tada, biarlah beliau sendiri menerima padah dan bukannya anak isteri mereka.

Pemimpin politik yang bijak lebih rela melihat ahli-ahlinya keluar parti daripada berada dalam parti politik secara terpaksa. Mereka ini akhirnya boleh menjadi duri dalam daging. Perkara begini lebih berbahaya kepada parti.

Perkahwinan merupakan sistem masyarakat dan merupakan fitrah manusia. Kebahagiaan dan jalinan kasih sayang suami isteri menjadi asas kepada pembentukan masyarakat Islam. Isteri adalah amanah Allah kepada suami.

Jika umat Islam dapat menghayati dan memahami konsep perkahwinan dan cinta suami isteri maka mereka dapat membezakan antara perjuangan politik dan perjuangan Islam.

Islam tidak pernah menyeru umat mengorbankan cinta dan kasih sayang suami isteri demi untuk menegakkan ideologi politik. Jika ini berlaku, maka perjuangan Islam bertukar menjadi perjuangan ideologi.

Islam mengharuskan lelaki yang berkemampuan untuk berpoligami. Tujuannya antara lain ialah mengelakkan cerai. Apatah lagi jika talak tiga dilafazkan terhadap isteri.

Jika fitrah dan hati nurani manusia tidak dijadikan sebagai kayu ukuran dalam menilai perjuangan Islam maka umat akan kehilangan kuasa.

Kegembiraan dan ketelusan hati asas kepada kejayaan. Oleh itu usah terlalu keras dan kasar dalam memperjuangkan Islam kerana Islam menyebarkan keamanan dan kebahagiaan berdasarkan fitrah ciptaan Ilahi.

PENULIS ialah Pensyarah Kanan Jabatan Usuluddin dan Perbandingan Agama, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)